

TARIKH	AHAD, 24 NOVEMBER 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KOMITMEN PENJAWAT AWAM SOKONG AGENDA REFORMASI
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE



Komitmen penjawat awam sokong agenda reformasi

Deklarasi Kuala Lumpur angkat perkhidmatan berorientasi kepentingan rakyat

Kuala Lumpur: Deklarasi Kuala Lumpur-Tekad Bersama Perkhidmatan Awam Malaysia menjadi komitmen penjawat awam seluruh negara untuk menyokong sepenuhnya agenda reformasi perkhidmatan awam, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Beliau berkata deklarasi yang dilancarkan pada Program Dua

Tahun Kerajaan MADANI (2TM) dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam Tahun 2024 semalam akan dimekalkan oleh semua pentadbiran kerajaan negeri.

"Ini adalah satu ikrar bahawa kita semua, di peringkat Persekutuan dan negeri bersatu hati untuk mengangkat martabat perkhidmatan awam yang berorientasikan kepentingan rakyat," katanya berucap pada majlis perasmian 2TM dan konvensyen itu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Datuk Seri Fadillah Yusof turut hadir pada majlis itu.

Shamsul Azri yang genap 100 hari menjawat jawatan KSN pada

Selasa lalu berkata, pelaksanaan reformasi yang lebih menyeluruh dapat dilihat tahun depan menerusi pengenalan **ILTIZAM Perkhidmatan Awam** yang akan diangkat sebagai satu akta pada peringkat Persekutuan.

"Akta ini dirangka untuk memperkukuh struktur dan tatakelola yang telus, memastikan tindakan dan keputusan yang diambil adalah berasaskan kepentingan rakyat. Ia juga adalah langkah proaktif untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan menamatkan salah laku dan rasuah," katanya.

STAR akan diperkasakan

Shamsul Azri berkata Pasukan Petugas Khas Reformasi Agensi (STAR) akan diperkasakan bagi merealisasikan agenda reformasi perkhidmatan awam, dengan

antara inisiatif utama yang sedang diusahakan mereka ialah **Pekeliling Reformasi Kerenah Birokrasi** dan **Pekeliling Uji Kaji Peraturan**.

Beliau berkata, pekeling itu dapat menyokong pelaksanaan perubahan secara sistematik bagi mempercepatkan proses penyampaian perkhidmatan dan menjadikan urusan dengan kerajaan lebih mudah, cepat dan tepat.

Mengulas mengenai penganjuran program 2TM dan konvensyen yang bertemakan 'MADANI di Hati, Rakyat Disantuni' selama tiga hari bermula kelmarin, beliau berkata, ia bertujuan memberi ruang kepada rakyat dan perniagaan mendapatkan perkhidmatan terus dan memahami usaha kerajaan melaksanakan pembaharuan dalam perkhidmatan awam.